



POLISI INTEGRITI & ANTI-RASUAH SYARIKAT AIR DARUL AMAN SDN. BHD. (SADA)

Kakitangan SADA rakan niaga SADA (pembekal, kontraktor, vendor, perunding) & pelanggan SADA yang dikasihi, Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. sebagai pembekal air terawat di negeri Kedah mengamalkan pendekatan “Toleransi Sifar” (*Zero Tolerance*) terhadap semua bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam melaksanakan perkhidmatan serta operasinya. Semua bentuk rasuah adalah kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta SPRM 2005 & Pindaannya. Pendirian SADA terhadap prinsip-prinsip yang ditetapkan mengenai Integriti & Anti-Rasuah ialah:

- Semua pengarah dan kakitangan tidak boleh menawarkan, berjanji, memberi, meminta atau menerima sebarang bentuk rasuah untuk mencapai apa-apa kelebihan peribadi atau perniagaan untuk diri mereka sendiri atau orang lain, atau terlibat dalam sebarang transaksi yang melanggar mana-mana undang-undang anti-rasuah yang terpakai ;
- Memastikan semua kaitangan SADA, ejen serta pembekal yang dilantik serta semua yang berurusan dengan SADA bertanggungjawab dalam mematuhi peraturan yang berkaitan serta undang-undang anti-rasuah ;
- Mewujudkan budaya berintegriti di tempat kerja serta mengada dan menambahbaik program Integriti dan Anti-Rasuah secara berkesan dan berterusan ;
- Menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan oleh kakitangan atau pihak berkepentingan lain mengenai aktiviti rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan secara jujur, terbuka serta dilayan dengan adil dan sewajarnya menerusi Polisi Pemberi Maklumat (*Whistleblowing Policy*) ;
- Memberi kerjasama penuh kepada agensi anti-rasuah iaitu SPRM dalam membendung amalan rasuah di dalam SADA, ejen yang dilantik, pembekal dan mana-mana pihak yang berurusan dengan SADA ;
- Mengambil tindakan selaras dengan undang-undang ke atas mana-mana pihak yang didapati melanggar undang-undang rasuah atau tidak mematuhi polisi ini.

.....
**RADZUAN BIN OSMAN SDK., AMK., BCK.
KETUA NEGAWAI EKSEKUTIF
SYARIKAT AIR DARUL AMAN SDN. BHD.**

POLISI PEMBERI MAKLUMAT



Polisi ini terpakai kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Atasan dan Kakitangan SADA termasuk Perunding, Vendor, Kontraktor, Agensi Luar, Pengguna atau mana-mana pihak yang mempunyai hubungan perniagaan dengan SADA adalah digalakkan untuk melaporkan aduan atau kebimbangan mengenai pelanggaran undang-undang, salah laku, ketidakadilan atau apa-apa sahaja kelakuan yang tidak wajar yang dilakukan oleh individu/atau sekumpulan individu di dalam SADA.

SKOP SALAH LAKU



Kejadian rasuah atau penipuan



Penyelewengan, salah guna kuasa, wang atau harta SADA



Kelakuan yang boleh menimbulkan bahaya kepada harta dan warga SADA serta orang awam



Kelakuan & aktiviti yang melanggar undang-undang



Kesilapan pengurusan yang melampau di SADA



Gangguan seksual secara fizikal, lisan, isyarat, visual & psikologi



Pelanggaran polisi, amalan, prosedur atau peraturan tatakelakuan SADA



Ketirisan wang yang serius dalam SADA



Sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan salah laku

PERLINDUNGAN

Identiti pemberi maklumat akan dilindungi dan diklasifikasikan sebagai 'Rahsia'. Perlindungan hanya akan diberikan oleh SADA jika pemberi maklumat memenuhi syarat-syarat yang diberikan.

SALURAN ADUAN

- Aduan menerusi pautan di laman web : www.sada.com.my (aduan integriti)
- Menghantar e-mel ke whistleblower@sada.com.my
- Menulis surat, telefon atau bertemu sendiri dengan Ketua Jabatan Audit Dalam, Pengurusan/Integriti SADA

POLISI HADIAH, KERAJIAN, SUMBANGAN DAN FAEDAH SEUMPAMANYA



Polisi ini terpakai kepada semua kakitangan SADA di sepanjang tempoh perkhidmatan dan semua pihak yang berurusan dengan SADA iaitu Pegawai & kakitangan SADA tidak boleh secara langsung atau tidak langsung meminta dan menerima sebarang hadiah, ganjaran atau apa-apa nilai kewangan untuk diri sendiri ataupun pihak lain daripada mana-mana pihak.

PEMBERIAN & PENERIMAAN HADIAH ATAU HOSPITALITI YANG DIBENARKAN

Hadiah yang diberi/diterima oleh pihak luar/SADA bagi tujuan penganugerahan, pengiktirafan serta sebagai tanda penghargaan dan terima kasih seperti majlis kunjung hormat & sesi libat urus, barangan tidak tahan lama/mudah rosak seperti makanan, bunga & apa-apa barang yang ditakrifkan sebagai serupa, hadiah yang diterima/beri atas dasar budaya seperti perayaan (dengan nilai anggaran yang munasabah), barangan bernilai rendah sebagai alat promosi seperti barangan korporat atau barang seminar.



PEMBERIAN & PENERIMAAN HADIAH ATAU HOSPITALITI YANG TIDAK DIBENARKAN

Hadiah diberi dan/atau diterima dengan niat rasuah, dibuat dengan niat jahat dan tidak suci hati bahawa ia adalah dorongan atau upah kepada kakitangan SADA itu bagi/telah melakukan atau tidak/telah tidak melakukan sesuatu perbuatan berhubungan dengan urusan rasminya.

Kegagalan warga SADA mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Manual Tatatertib SADA. Semua warga SADA adalah bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Unit Integriti, Jabatan Audit Dalam, Pengurusan/Integriti SADA sekiranya diberi, dijanjikan atau ditawarkan apa-apa bentuk rasuah.